

21/03/2004

Apakah bulan akan mengambang dan mentari cerah hingga ke petang?

Noor Azam

KITA MAHU TAWAN ENAM NEGERI LAGI DAN MENTADBIR PUTRAJAYA DENGAN BIJAK HARI INI termasuk dalam hari-hari yang amat penting bagi kehidupan kita. Anugerah Allah di dunia dan di akhirat ditentukan oleh keimanan, ketakwaan dan amal-usaha kita masing-masing. Keselesaan dan kemajuan hidup kita di dunia bergantung kepada usaha kita dan kerajaan yang kita pilih.

Kata Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang: "Calon Pas yang mengkhianati sumpah dan bai'ah (perjanjian) akan mengalami kes seumpama itu dan calon yang mengkhianati sumpah serta bai'ah, hidup susah."

Apakah benar begitu hukumannya dan balasannya Allah, kepada hambanya kerana mungkir janji politik? Atau hanya sumpahan seorang pemimpin politik?

Malam ini kita akan dapat tahu, apakah rakyat Kelantan dan Terengganu akan terus duduk di bawah pembangkang. Kita juga akan tahu jalan manakah yang jadi pilihan orang Perlis dan Kedah. Kerajaan Persekutuan dan negeri lain nampaknya pasti kekal di bawah BN.

Bahkan fakta dan angka menunjukkan, impian Pas di Kedah tak mungkin tercapai. Jika jentera Umno setia-padu-patuh dan mengerti budaya Melayu-Islam, 26 kerusi bukanlah mustahil. Namun hati manusia siapa tahu dan teras Pas masih ada.

Justeru kata Haji Hadi: "Tidak semestinya pagi matahari naik. Dia boleh mendung di tengah hari. Kita yakin Kedah menjadi sasaran untuk kita tawan. Kita juga mahu tawan Perlis, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Melaka."

Inilah ceramah kempen pertama Haji Hadi selepas penamaan calon. Beliau bergegas dari Kuala Terengganu ke Putrajaya. Ucapan di Putrajaya ini melambangkan betapa inginnya beliau hendak menduduki pusat pemerintahan moden yang dikritik hebat sebagai projek pembaziran.

Kata beliau (seperti telah duduk di Sri Perdana): "Itu (Putrajaya) kita akan urus, kita akan tadbir dengan cara yang bijak. Jika cita-cita ini diizinkan Allah, saya belum dapat membayangkan perubahan apakah yang akan terjadi!"

NAMPAKLAH WAJAH DAN WATAK PEMIMPIN POLITIK YANG SEBENARNYA

MENJELANG hari penamaan calon dan sebaik saja nama-nama calon tersiar 14 Mac lalu, macam-macam peristiwa dan pernyataan para pemimpin yang merangsang orang yang mahu berfikir. Kita pun dapat melihat 'wajah dan watak' politik mereka sebenarnya.

Kita sudah lama kenal Pak Lah, Lim Kit Siang dan Karpal Singh. Tetapi kita baru mulai nak kenal Datuk Seri Abdul Hadi sebagai pemimpin politik. Dulu kita kenal beliau sebagai ulama dan guru agama. Sebelum ini kita sudah melihat pernyataan-pernyataan politik Datuk Nik Aziz yang aneh-aneh apabila beliau menjadi Menteri Besar dan cuba mengadunkan agama dengan politik.

Allahyarham Dr Burhanuddin, Datuk Asri dan Ustaz Fadzil Noor memang dari mula lagi muncul dan kita kenal mereka sebagai pemimpin politik. Justeru ucapan dan pernyataan politik mereka selalunya mantap, tiada yang aneh-aneh atau janggal bunyinya.

"Calon Pas yang mengkhianati sumpah dan bai'ah, hidup tidak berkat di dunia dan akhirat... pernah ada kes calon yang mengkhianati sumpah dan bai'ah, hidup susah. Begitukah balasan Allah kepada hambanya kerana mungkir janji politik?"

Perubahan yang agak mendadak dialami Datuk Seri Abdul Hadi - daripada

Tok Guru kepada Menteri Besar dan presiden parti - menyebabkan ucapannya sering menarik perhatian saya. Saya pun tidak pernah terfikir, begitu cepat sekali beliau sukacita menerima gelar "Datuk Seri" - suatu gelaran 'kebesaran keduniaan' dalam sistem yang dikatakan sekular.

Menjelang pilihan raya 1999, saya tersentak melihat Tok Guru ini berpelukan dengan Lim Kit Siang. Menjelang pilihan raya kali ini, beliau menampar muka Lim Kit Siang dan Karpal Singh dengan pernyataan: Kedua-dua tokoh politik yang hebat ini adalah "pemimpin yang sudah ketinggalan zaman; seperti yang sudah luput tempohnya." Suatu serangan politik yang cukup berani dan cukup sensasi.

(Sebelum itu beliau telah mencerca Pak Lah, kerana jadi imam solat Tarawih, tetapi tidak mengimamkan solat jenazah ibunya. Orang yang sudah meninggal pun boleh jadi bahan cercaan politik. Begitulah kiranya kelebihanannya seorang ulama. Boleh mencerca peribadi orang tentang amal ibadah)

Lim Kit Siang pula menyindir: "Jika DAP hendak membalas dan berlagak sombong dan mengata-ngata Hadi Awang, kami boleh kata dia tidak punya kualiti untuk jadi pemimpin nasional dan dia nampaknya tidak sedar bahawa dia hidup dalam masyarakat pelbagai rasa, pelbagai agama."

Datuk Seri Ling Liong Sik pula menyambut: "Sebagai seorang doktor saya nak beri tahu, ubat yang luput tempoh sangat bahaya, disimpan dalam rak juga salah. Simpan dalam laci juga salah. Satu hari jatuh; anjing, kucing makan. Tikus pun tak boleh makan."

MACAM KAHWIN MUTA'AH. BILA TAK BOLEH BERI KEPUASAN, SELAMAT TINGGAL, KAHWIN LAGI!

SEBENARNYA Haji Hadi nak tunjuk pada orang Melayu, tiada lagi muafakat Pas dengan DAP. DAP pun semakin hari semakin nak mati. Kalau DAP masih macam dulu dan ada untung pada Pas, tamparan begitu tak akan berlaku. Politik lihai namanya. Ada guna peluk, tak ada guna tumbuk.

Datuk Nik Aziz dan disokong Haji Hadi, tidak membenarkan Syed Husin Ali bertanding di Kota Baru sebagai calon Keadilan. Sebabnya, Syed Husin seorang sosialis dan "sosialis adik komunis". Bersalaman dan berbincang dalam pertemuan politik boleh. Bergabung tenaga dalam 1999 boleh. Calon tidak boleh!

Sebenarnya Pas tidak lagi memerlukan orang macam Syed Husin. Keadilan pun menuju jurang. Isu politik 1999 tak berguna lagi. Maka Keadilan pun, kira-kira macam DAP jugalah!

Perkahwinan Pas-DAP-Keadilan menjelang pilihan raya 1999, hanyalah untuk tujuan menjatuhkan Dr Mahathir dan BN. Macam kahwin muta'ah - tujuannya itu saja!

Setelah tujuan itu gagal dicapai, mulalah mereka bergaduh dan akhirnya bercerai. Selepas bercerai ada pula gaya-gaya macam orang gila talak. Itulah timbul cerita ubat luput tempoh. Dan sekarang antara Pas dengan Keadilan, dan DAP dengan Keadilan pun, sedang bergaduh kerana berebut kawasan pilihan raya.

Dalam tulisan saya 29 Februari lalu, saya kata: "Gabungan parti-parti pembangkang yang tidak digembar gemburkan sebagai Barisan Alternatif kepada BN, tidak berdaya lagi untuk jadi alternatif. Yang masih tinggal utuh hanya Pas."

Sekarang sahlah sudah, BA sudah mati. Nasib Keadilan dan Parti Rakyat pun akan ditentukan hari ini. Pas berasa makin kuat, akan menawan lapan negeri dan mentadbirkan Putrajaya.

Kata Haji Hadi, "Biar tinggal sedikit spesies Umno. Masa itu MCA, MIC, Gerakan kita ajak, kita buat kerajaan campuran... biar kami jadi ketua, bukan lagi Umno." MCA, MIC dan Gerakan tak perlu bimbang; Lim Kit Siang dan Karpal Singh tidak ada lagi. Gagasan negara Islam pun tidak ada lagi dalam manifesto.

Apakah malam ini bulan akan terang benderang, disambut mentari pagi yang akan cerah hingga ke petang, dacing dan keris bersilang bergelempangan? Atau lambang keadilan dan keutuhan pribumi itu terus berkibar di puncak tiang?

(Kampung Belukar, Jitra, Kedah - 18 Mac 2004)